

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK DR. EWON EDIN
(RANAU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 29.03.2017

Y.B. DATUK DR. EWON EDIN [RANAU] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan :-

- (a) berikut dengan Pindaan Akta Cukai Pendapatan 1967, berapa banyakkah entiti pelaburan badan keagamaan yang telah dikenakan cukai serta jumlah cukai yang dikutip setakat ini; dan
- (b) setakat ini, berapakah jumlah dana yang telah diberikan kepada badan-badan keagamaan (Bukan Islam) untuk tujuan pembinaan, kerja-kerja membaik pulih dan penyelenggaraan rumah ibadat mereka.

JAWAPAN

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

a) Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, pindaan perenggan 13(1)(b) Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967 adalah berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2017. Pindaan ini bertujuan untuk menumpukan layanan pengecualian cukai pendapatan ke atas pendapatan institusi atau organisasi keagamaan yang semata-mata bagi maksud aktiviti penyembahan (*worship*) atau pengembangan (*advancement*) agama sahaja. Susulan daripada pindaan tersebut, suatu perjumpaan bersama persatuan rumah ibadat dengan Kementerian Kewangan dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah diadakan di Kementerian Kewangan untuk memberi penjelasan lanjut mengenai pindaan tersebut.

Mengenai maklumat berhubung entiti badan keagamaan yang telah dikenakan cukai pendapatan serta jumlah cukai yang dikutip bagi tahun taksiran 2017, ia hanya dapat disediakan dan dimuktamadkan selepas institusi atau organisasi keagamaan mengembalikan borang nyata cukai pendapatan kepada LHDNM selepas April 2018.

b) Bagi tempoh 2012 hingga 2016, kerajaan telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM99.32 juta kepada badan-badan keagamaan (Bukan Islam) untuk tujuan pembinaan, kerja-kerja membaik pulih dan penyelenggaraan rumah ibadat.

Penyaluran peruntukan khas ini adalah diselaraskan oleh Jabatan Pembangunan Persekutuan/Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri mengikut peraturan dan garis panduan semasa yang berkaitan.